

Syarikat palsukan logo halal didakwa hari ini

Aset syarikat tersebut disita dan dibekukan dengan nilai sitaan dianggar bernilai RM1 juta

Oleh AZIE YAHAYA

SHAH ALAM

Sebuah syarikat yang dipercayai terlibat dengan kartel daging haram telah disita dan dijangka didakwa di mahkamah pada hari ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, siasatan mendapati syarikat terbabit menggunakan modus operandi dengan meletakkan cap sebuah syarikat pengeluar terkemuka negara pada daging import tersebut.

Beliau berkata, pihaknya bertindak menyita dan membekukan aset syarikat tersebut dengan nilai sitaan dianggarkan bernilai RM1 juta.

“Mungkin esok (Rabu) syarikat itu akan

Kerajaan setuju tubuh RCI

KUALA LUMPUR - Kerajaan menyokong penuh cadangan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat isu penyeludupan daging yang menyalahgunakan logo halal.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, isu yang menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat itu serius dan satu Jawatankuasa Perundangan Khas Halal juga telah ditubuhkan.

“Kita menyokong penubuhan ter-

sebut kerana dapat mendedahkan siapa sahaja yang bertanggungjawab kepada permasalahan ummah hari ini.

“Ada yang mengatakan kita cuba melindungi seseorang atau VIP, pada kita, kerajaan telus dan prihatin. (Mereka) yang salah tetap akan salah, yang benar tetap benar,” katanya di Dewan Negara pada Selasa.

Rosol berkata, setakat ini, sebanyak 53 negara dibenarkan mengimport daging beku ke negara ini termasuk dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina.

didakwa kerana memalsukan sijil halal dan cap halal.

“Kita juga mendapati, syarikat itu ada 24 unit stamp getah daripada syarikat yang mempunyai jenama daging yang mempunyai permintaan tinggi,” katanya ketika sesi pengumuman usul mengenai isu kartel daging yang diragui status halal yang dikemukakan oleh Senator Asmak Husin.

Mengulas lanjut, Rosol berkata, sebanyak



ROSOL

5,000 logo halal Jabatan Kemaajuan Islam Malaysia (Jakim) turut ditemui manakala 2,428 kotak daging beku yang menggunakan logo halal disyaki palsu

bernilai RM738,640 disita.

“Kita juga menyita dua buah lori menggunakan logo halal Jakim yang dipalsukan dan jumlah sitaan bernilai RM1.03 juta,” katanya.

Tambah Rosol, laporan mengatakan bahawa

aktiviti kartel daging haram itu berlaku hampir 40 tahun tidak tepat.

“Tidak benar perkara ini telah berlaku hampir 40 tahun sebab siasatan kementerian mendapati syarikat terlibat baharu mendaftar pada 2014 dan memperoleh lesen untuk mengimport produk sejuk beku pada 2017,” katanya.

Sementara itu, beliau turut mengesahkan bahawa tiada daging kuda, kanggaru atau khinzir ditemui susulan rampasan di sebuah gudang di Senai pada awal Disember lalu.

Beliau berkata, perkara itu hasil laporan pensampelan yang dilakukan oleh Jabatan Kimia.

“Terima kasih kepada Jabatan Kimia yang telah mempercepatkan proses ini kerana sebenarnya ia mengambil masa hampir sebulan tetapi (dipercepatkan) oleh kerana melibatkan keresahan rakyat.

“Kita tidak pilih-pilih, kita hantar semua sekali kepada Jabatan Kimia dan (Jabatan Kimia) telah beri laporan kepada kita bahawa tidak ada daging kanggaru, tidak ada daging kuda dan tidak ada daging babi daripada apa yang kita sita,” katanya.



FOTO: BERNAMA

Isu kartel daging import seludup yang diragui status halal kini menjadi hangat sekall gus mencetuskan kekusaran orang ramai.